

KESUKARELAWANAN TERPANJANG

PUTRA LoVA rekod pertama dalam negara laksana aktiviti sukarelawan tanpa henti selama 40 jam

Universiti Putra Malaysia (UPM) meraih pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) menerusi 41 projek Program Putra Longest Non Stop Volunteerism Activities (PUTRA LoVA) sempena Sambutan Hari Putra Bakti UPM.

PUTRA LoVA adalah rekod pertama dalam negara melaksanakan aktiviti sukarelawan paling lama tanpa henti selama tempoh 40 jam.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UPM, Profesor Dr Arifin Abdu berkata, rekod itu disahkan MBOR selepas 2,000 sukarelawan yang terdiri daripada pelajar, staf UPM dan komuniti setempat



UPM terima pengiktirafan MBOR selepas jalani aktiviti sukarelawan selama 40 jam menerusi 41 projek PUTRA LoVA.



USAHA gigih, komitmen padu dan pengorbanan murni pelajar UPM menepati objektif strategik Matlamat 1.

berjaya melaksanakan aktiviti kesukarelawanan bermula jam 6 pagi pada 10 Disember lalu dan berakhir pada jam 10 malam pada 11 Disember lalu.

"Antara aktiviti yang dilakukan ialah pembersihan, penanaman pokok, mengecat dan mencantikkan bangunan dengan lukisan mural di sekitar UPM.

"Sesungguhnya banyak yang perlu kita lakukan di kawasan UPM ini demi

memartabatkan menara ilmu ini sebagai kampus hijau yang lestari," katanya.

Dr Arifin Abdu berkata, aktiviti seumpama ini perlu diteruskan dalam mencapai Matlamat 1 Pelan Strategik UPM 2021-2025, Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang.

"Usaha gigih, komitmen padu dan pengorbanan murni pelajar UPM ini juga menepati

objektif strategik Matlamat 1 iaitu Membentuk Watak dan Potensi Graduan yang Holistik apabila mereka keluar daripada menara gading kelak," katanya.

Pada program itu juga, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat Dan Endowmen (WAZAN) UPM menjadi penaja bersama PUTRA LoVA dengan sumbangan kewangan RM28,740 hasil sumbangan daripada dana zakat, wakaf dan UPM Prihatin@WAZAN.